

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mempunyai pelbagai destinasi pelancongan yang menarik. Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan Malaysia telah melakukan pelbagai usaha di peringkat antarabangsa untuk menarik lebih ramai kemasukan pelancong dari luar negara bagi merealisasikan misi membangunkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terkenal di dunia.¹ Malaysia pernah berada di kedudukan ke-16 dari segi pendapatan pelancongan dan menguasai 2% daripada syer pasaran global pada tahun 2008. Manakala, industri pelancongan negara telah menggaji 1.7 juta pekerjaan atau hampir 16% daripada jumlah guna tenaga pada 2008.²

“*Malaysia Truly Asia*” merupakan motto yang digunakan oleh Malaysia dalam usaha memperkenalkan produk-produk pelancongan yang terdapat di Malaysia kepada negara-negara lain seluruh dunia. Kemasukan pelancong asing dari luar negara ke Malaysia menunjukkan peningkatan pada setiap tahun di mana pada tahun 2009 sebanyak 23.6 juta pelancong asing melawat Malaysia dengan memberikan pendapatan kepada negara sebanyak RM53.4 bilion.³ Manakala kemasukan pelancongan asing ke Malaysia telah meningkat sebanyak 3.9% pada tahun 2010

¹<http://www.motour.gov.my/bm/profil-kementerian/dasar-kementerian.html>, akses pada 12 Oktober 2010, 7.37pm.

²Rancangan Malaysia Ke sepuluh 2011-2015, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Putrajaya, 2010, h 181.

³http://www.tourism.gov.my/corporate/research.asp?page=facts_figures, akses pada 12 Oktober 2010 jam 8.20pm

iaitu seramai 24.5 juta orang pelancong dan telah memberi peluang pekerjaan kepada 1.2 juta rakyat di negara ini.⁴

Keindahan bentuk bumi yang semulajadi seperti keindahan pantai, pulau-pulau, gunung-ganang serta tinggalan sejarah yang menarik menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dunia di samping keunikan budaya, keamanan dan keramahan penduduknya. Beriklimkan hutan hujan tropika dan keindahan hutan hujan tropika serta keunikan flora dan fauna yang terdapat di bumi Malaysia merupakan aset penting negara. Kerajaan Malaysia telah membelanjakan jutaan ringgit dalam usaha membangunkan tempat-tempat yang menarik bagi menawan hati para pelancongan yang berkunjung. Sejak Rancangan Malaysia ke-2 (1971-197) sehinggalah Rancangan Malaysia ke-9 (2005-2010), sebanyak RM 4212.08 juta telah diperuntukan bagi membangunkan industri pelancongan negara.⁵

Seterusnya, pola kemasukan pelancong ke negara mengalami sedikit perubahan selepas berlakunya serangan yang meruntuhkan Bangunan World Trade Center (WTC) di New York Amerika Syarikat pada 11 September 2001.⁶ Pelancong beragama Islam terutamanya dari negara-negara Arab dan negara benua Afrika telah bertukar citarasa daripada mengunjungi negara-negara Eropah atau USA ke negara Asia Tenggara termasuklah Malaysia. Pemeriksaan kastam yang ketat dan pandangan serong barat terhadap umat Islam serta wujudnya fenomena Islamofobia

⁴Harian Kosmo, Febuari 13, 2011, h 4.

⁵Azizan Marzuki (2010), "Tourism Development In Malaysia. A Review On Federal Government Policies", *Journal Theoretical And Empirical Researches In Urban Management*, v.5 (2010), no.8(17), November, pp 85-97.

⁶Asmak Ab Rahman dan Mohd Fauzi Abu Hussin (2010), "Exploring And Analyzing Malaysia-Gulf Cooperation Council" dalam *Prospek Dan Cabaran Dalam Hubungan Malaysia-Asia barat*, Wan kamal Mujari *et al.* (eds.), Bangi Selangor, Institut kajian rantau Asia barat (IKRAB) Universiti Kebangsaan Malaysia, h 146.

menyebabkan pelancong Muslim tersebut mengubah destinasi percutian mereka ke negara selain barat.⁷ Data statistik kemasukan pelancong dari negara Arab Saudi ke Malaysia pada tahun 2001 ialah sebanyak 39,957 ribu orang meningkat pada tahun 2002 sebanyak 45,007 ribu orang pelancong.⁸ Hal ini menunjukkan bahawa pelancong dari Timur Tengah yang kebanyakan beragama Islam mula memilih Malaysia sebagai destinasi percutian mereka.

Oleh itu, Malaysia dilihat mampu menjadi salah satu destinasi pelancongan terunggul di dunia. Namun sebagai sebuah negara yang majoriti penduduknya beragama Islam, pembangunan sektor pelancongan perlulah menepati ciri-ciri dan kehendak Islam. Justeru, pembangunan sektor pelancongan juga perlu seiring dengan kepesatan pembangunan ekonomi Negara. Nilai dan aspek kerohanian serta pembangunan kemanusiaan perlu dititik beratkan dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju yang seimbang dari segi fizikal dan rohani.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Malaysia sangat terkenal dengan pelbagai destinasi pelancongan yang menarik. Setelah dilanda krisis ekonomi yang teruk pada tahun 1997, kerajaan telah menggalakkan sektor pelancongan berkembang sebagai satu alternatif dalam usaha memulihkan semula ekonomi yang terjejas teruk. Justeru, banyak tempat-tempat menarik di Malaysia mengalami pembangunan yang pesat seperti, Pulau Pinang,

⁷Jamudin Idris & Fariza Uzmat (2012), "Islam Dahulu Barat Wujudkan Hotel", *Milenia Muslim*, Feb 2012, Jil 114, h. 11.

⁸http://www.tourism.gov.my/tourismmalaysia_corpx/rpt1_arrival.cfm?rpt=1, akses pada 12 Oktober 2010 jam 8.10pm.

Pulau Tioman, Bandaraya bersejarah Melaka, pemuliharaan taman negara dan termasuklah Pulau Langkawi.

Bermula pada era pemerintahan Tun Dr Mahathir pada tahun 80-an, Langkawi yang sebelum itu ketinggalan dari pelbagai sudut arus pembangunan telah mula diberi perhatian. Serentak selepas pengistiharan Langkawi sebagai pulau bebas cukai pada 1987 dan penubuhan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) pada 1990, pembangunan fizikal di Langkawi telah berkembang pesat dan dilengkapi pelbagai jenis kemudahan asas dan infrastruktur.

Setelah kemudahan asas dan infrastruktur lengkap seperti jaringan jalan raya, jaringan komunikasi, lapangan terbang, pelabuhan dan lain-lain tersedia di Langkawi, ia mula menarik minat para pelabur untuk datang membuat pelbagai jenis pelaburan seperti pembinaan hotel dan resort, restoran-restoran, pusat-pusat membeli belah, membangunkan produk-produk pelancongan dan sebagainya. Selain itu, penganjuran acara-acara dan program bertaraf dunia seperti Langkawi International Maritime Air (LIMA), Le Tour D Langkawi (LTDL), Kejohanan IronMan Langkawi dan lain-lain lagi menaikkan lagi nama Langkawi di persada dunia.

Pada tahun 2007, Langkawi menerima pengiktirafan daripada United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) sebagai Langkawi Geopark dan merupakan yang pertama di Malaysia serta di Asia Tenggara. Dengan pengistiharan tersebut, ia telah berjaya menarik lebih ramai kemasukan pelancong

asing ke Langkawi. Sehingga tahun 2010, jumlah kedatangan pelancong ke Langkawi mencecah angka 2.45 juta orang.⁹

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kemasukan pelancong ke Langkawi terutamanya pelancong muslim dari negara-negara Timur Tengah semakin meningkat saban tahun.¹⁰ Ia memberi petunjuk bahawa Langkawi berpotensi menjadi salah satu pusat pelancongan Islam di dunia. Walaubagaimanapun, usaha-usaha ke arah matlamat tersebut masih kurang diberi perhatian terutamanya oleh pihak berkuasa. Selain itu, peningkatan kemasukan pelancong asing sama ada dari barat atau timur ke pusat peranginan tersebut telah meninggalkan banyak kesan positif dan negatif terhadap sosio-ekonomi dan budaya penduduk Langkawi. Kedatangan para pelancong tersebut bukan sahaja sekadar untuk bercuti dan melancong malah telah membawa budaya tempat asal mereka dan mempengaruhi penduduk tempatan terutamanya golongan muda mudi.

Tempoh pembangunan yang singkat dan pesat telah menyebabkan pembangunan di Langkawi menjadi tidak begitu terancang dan terdapat beberapa perkara yang telah terlepas pandang. Tanah-tanah rizab orang Melayu dibeli kemudiannya dibangunkan hotel-hotel dan resort sebagai tempat penginapan untuk pelancong. Kawasan tumpuan pelancong seperti di Pantai Cenang dan Pantai Tengah menjadi sesak dan padat dengan kehadiran pelancong dan pembangunan hotel-hotel murah dan deretan kedai yang tidak tersusun dan teratur. Di samping itu, kepadatan

⁹Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)
http://www.lada.gov.my/v1/index.php?option=com_content&view=article&id=96&Itemid=164 akses pada 23 Sept 2011.

¹⁰Sumber Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Bahagian Pelancongan.

kedatangan pelancong telah menyebabkan pencemaran sisa buangan yang tinggi seterusnya mencacatkan keindahan semulajadi pulau berkenaan.

Pertumbuhan kelab-kelab malam, pusat SPA dan rumah urut bagaikan cendawan selepas hujan turut memberikan kesan negatif terutamanya kepada penduduk tempatan yang majoritinya beragama Islam. Selain itu, pengisytiharan Langkawi sebagai Pulau Bebas Cukai telah menyebabkan beberapa barangan terkawal menjadi murah dan mudah untuk didapati seperti arak dan rokok. Barangan tersebut bukan sahaja digemari oleh para pelancong dari barat malahan penduduk tempatan juga terjebak dengan ketagihan arak berkenaan. Hal ini merupakan satu fenomena yang kurang baik dan memberi kesan yang negatif terhadap masyarakat seperti keruntuhan akhlak dan masalah sosial di kalangan muda mudi, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

Pembangunan pelancongan di Langkawi juga dilihat tidak seimbang dan mengabaikan nilai-nilai agama dan budaya masyarakat Malaysia. Perancangan dan strategi serta polisi yang dijalankan sebelum ini seolah-olah telah mengabaikan perkara-perkara tersebut. Perancangan pembangunan pelancongan yang tidak seimbang boleh meninggalkan kesan yang negatif terhadap alam sekitar, budaya dan masyarakat terutamanya dari aspek akhlak dan pembangunan modal insan.

Pembangunan pelancongan dari perspektif Islam dilihat sebagai satu pilihan bagi menyelesaikan masalah berlaku tersebut. Namun persoalannya, adakah nilai-nilai Islam tersebut dapat diserapkan dalam usaha membangunkan pelancongan di Langkawi. Perancangan dan dasar pembangunan sektor pelancongan Langkawi perlu

dirangka dengan teliti. Ia perlu mengambil kira dari pelbagai aspek seperti pembangunan sumber manusia, pemuliharaan alam semulajadi serta kesan terhadap sosio-budaya masyarakat setempat. Pembangunan pelancongan Islam dapat diaplikasikan di Langkawi sekiranya semua pihak sama ada kerajaan mahupun pihak swasta memberikan komitmen yang tinggi dalam merancang dasar, melaksana dan menjayakannya. Seterusnya, ia mampu menjadi kayu ukur dan contoh yang baik untuk membangunkan kawasan pelancongan yang lain sama ada di Malaysia mahupun di dunia.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah strategi pembangunan sektor pelancongan yang disarankan dalam ekonomi Islam yang dapat memberi keseimbangan antara dunia dan akhirat.
2. Bagaimanakah dasar dan strategi pembangunan sektor pelancongan di Langkawi yang dirancang oleh pihak berkuasa dalam membangunkan pulau peranginan tersebut menjadi salah satu destinasi pelancongan terunggul di dunia.
3. Seterusnya, mungkinkah strategi dan perancangan yang dirangka dan dilaksanakan di Langkawi oleh pihak berkuasa tersebut menepati kehendak dan ciri-ciri Islam atau sebaliknya

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji dasar dan strategi pembangunan sektor pelancongan menurut ekonomi Islam.
2. Mengkaji dasar dan strategi pembangunan sektor pelancongan yang dijalankan di Langkawi .
3. Menganalisis dasar dan strategi yang dilaksanakan di Langkawi dari perspektif ekonomi Islam.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting bagi menganalisis dasar dan strategi pembangunan sektor pelancongan yang di sarankan menurut perspektif ekonomi Islam. Dapatan tersebut dapat diketengahkan untuk dijadikan panduan dalam merancang pembangunan sektor pelancongan yang seimbang dan berlandaskan syarak. Garis panduan yang ditetapkan oleh syarak sesuai dalam semua aspek termasuklah soal pembangunan sektor pelancongan. Kajian ini boleh dijadikan rujukan tambahan kepada ahli akademik dan bakal pengkaji lain dalam mengemukakan cadangan pelaksanaan pelancongan Islam.

Seterusnya, kajian ini dapat mengenalpasti dasar dan strategi apakah yang dirancang untuk membangunkan sektor pelancongan di Langkawi. Kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada agensi-agensi pelancongan, para pelabur, para usahawan, pelancong dan sesiapa sahaja yang berminat. Selanjutnya, ia membolehkan perancangan lebih

baik disusun atau memperbaiki kelemahan-kelemahan yang wujud demi kepentingan serta memajukan industri pelancongan pulau berkenaan.

Kemudian, melalui kajian ini juga perancangan pembangunan sektor pelancongan dilaksanakan di Langkawi dapat dianalisis menurut dapatan dan saranan yang dikemukakan dalam ekonomi Islam. Dapatan kajian tersebut boleh dikemukakan kepada kerajaan pusat dan kerajaan negeri sebagai panduan untuk membangunkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan Islam.

1.7 SKOP KAJIAN

Skop kajian disertasi ini tertumpu pada Pulau Langkawi dengan melihat pada dasar dan strategi yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa dalam membangunkan sektor pelancongan sahaja. Menurut Kamus Dewan, maksud dasar ialah perkara asas atau polisi.¹¹ Dasar adalah suatu keputusan rasmi kerajaan yang dipersetujui.¹² Manakala strategi pula ialah rancangan atau pendekatan yang dilaksanakan sekaligus atau bersepadu.¹³ Strategi juga merupakan satu cara atau perancangan yang dilakukan bagi mencapai matlamat dasar yang digariskan. Dasar dan strategi kerajaan dalam membangunkan sektor pelancongan di Langkawi menjadi fokus utama kajian ini dilakukan.

¹¹Noresah bt Baharom (1997), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h 274.

¹²Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=dasar> akses pada 7 Ogos 2012.

¹³ Noresah bt Baharom (1997), *op.cit.*, h 1305.

Hal-hal lain termasuk kesan sosial, ekonomi dan sebagainya tidak termasuk dalam fokus kajian penulis. Langkawi menjadi pilihan penulis untuk membuat kajian kerana pulau peranginan tersebut mempunyai potensi besar dalam sektor pelancongan dan menerima peningkatan pengunjung saban tahun. Kajian ini turut mengfokuskan kepada dasar dan strategi pelancongan yang disarankan dalam Islam agar ia dapat dijadikan rujukan dalam membangunkan sektor pelancongan berteraskan prinsip-prinsip Islam.

1.8 SOROTAN LITERATUR

Pembangunan Sektor Pelancongan

Abdul Karim Ibrahim¹⁴ dalam disertasi sarjana beliau telah mengkaji berkenaan dengan hubungan dan intraksi antara penduduk tempatan dengan pelancong dalam aktiviti pelancongan di kawasan pelancongan Jarash, Jordan yang terkenal dengan sejarah dan kota tinggalan empayar Rom. Beliau mengkaji sebab yang menjadi penghalang kepada intraksi antara penduduk tempatan dan juga pelancong yang datang melawat. Beliau telah menggunakan kaedah soal selidik dalam membuat pengumpulan data. Hasil kajian beliau mendapati pembangunan yang dijalankan di Jarash telah mengabaikan penduduk tempatan. Kurangnya pendedahan dan peluang diberikan kepada penduduk tempatan untuk menceburi bidang dan aktiviti pelancongan di Jarash. Ia menjadi sebab utama terhadap kurangnya hubungan dan

¹⁴Abd al-Karīm Ibrahim (1998), “al-Sīyāḥah wa al-Mujtama’ al-Māhallī fī Madīnah al-Jarash” (Disertasi Sarjana Universiti Yarmouk Jordan)

intraksi antara penduduk tempatan dengan para pelancong di kawasan pelancongan tersebut.

Parikshit K. Basu¹⁵ dalam artikel jurnal bertajuk *Conflicts And Paradoxes In Economic Development Tourism In Papua New Guinea* menghuraikan negara yang baru mencapai kemerdekaan tersebut kaya dengan sumber semulajadi seperti minyak, emas, tembaga dan lain-lain selain mempunyai rupa bentuk bumi yang cantik serta subur dengan pertanian. Beliau menggunakan kaedah kajian perpustakaan untuk membuat satu analisis berkenaan dengan Negara tersebut. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa negara Papua New Guinea (PNG) yang baru sahaja mencapai kemerdekaan mempunyai pelbagai khazanah alam yang menarik dan mampu menarik kemasukan pelancong ke negara tersebut sekaligus membangunkan industri pelancongan di negara tersebut. Beliau mencadangkan agar konflik-konflik dalaman yang berlaku di PNG perlu diselesaikan segera bagi membolehkan industri pelancongan berkembang pesat.

Ron Ayres¹⁶ dalam artikel jurnal mengenai pelancongan sebagai pasport atau pemangkin pembangunan kepada negara kecil Cyprus membincangkan tentang perkembangan perlancongan di dalam negara tersebut dan kesannya terhadap pencapaian ekonomi. Penulis artikel ini telah mengkaji keberkesanan industri pelancongan membangunkan sebuah negara iaitu Cyprus dengan menggunakan data siri masa dikumpul mengikut tahun untuk dilakukan analisis. Hasil daripada kajian tersebut, penulis mendapati industri pelancongan juga memberi kesan kepada sosial

¹⁵Parikshit K. Basu, (2000) "Conflicts and Paradoxes in Economic Development Tourism in Papua New Guinea" *International Journal of Social Economics*, Vol 27, (7): pp 907-916.

¹⁶Ron Ayres,(2000) "Tourism as a Passport to Development in Small States: Reflections on Cyprus" *International Journal of Social Economics*, Vol 27, (2) : pp 114-133.

dan persekitaran negara tersebut. Berlaku banyak pencemaran akibat daripada industri pelancongan serta pertumbuhan pusat hiburan dan kemasukan budaya asing yang mempengaruhi masyarakat tempatan terutamanya golongan muda.

Matti' Yūsuf Muḥammād Qīsy¹⁷ telah mengkaji berkenaan dengan keunikan bentuk muka bumi yang terdapat di wilayah Jericho dan Laut Mati, Palestin serta kesannya terhadap perkembangan sektor pelancongan. Beliau turut mengkaji aktiviti pelancongan yang dijalankan di kawasan tersebut adakah memberi impak dan kesan terhadap sosio-ekonomi penduduk setempat. Beliau telah menggunakan kaedah soal selidik kepada penduduk tempatan dalam membuat pengumpulan data. Hasil kajian mendapati keunikan bentuk muka bumi yang terdapat di kawasan tersebut telah menarik lebih ramai kemasukan pelancong asing serta meningkatkan lagi aktiviti pelancongan. Ia turut meningkatkan ekonomi dan pendapatan penduduk setempat serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan.

Akram Ātif 'Abd al-Karim Rawashdeh¹⁸ mengkaji berkenaan dengan sokongan perkhidmatan dan kemudahan terhadap aktiviti pelancongan di Bandar Amman ibu negara Jordan. Beliau mengkaji tahap penyediaan perkhidmatan yang diberikan kepada pelancong termasuklah kemudahan pengangkutan, penginapan dan juga penyediaan makanan. Kaedah soal selidik telah digunakan oleh penyelidik dalam mendapatkan dan mengumpul maklumat berkaitan kajian. Hasil penyelidikan mendapati kedudukan Bandar Amman terletak ditengah-tengah Jordan menjadikan

¹⁷Matti' Yūsuf Muḥammad Qisy (2000), "Dirāsah fī ju'rafiyah al-Siyāhah fī Mantiqah Urihah wa al-Bahr al-Maiyit" (Disertasi Sarjana An Najah National Universiti, Nablus Palestin).

¹⁸Akram Aatif 'Abd al-Karim Rawashdeh (2001), "Tatwir wa Ta'hil al-Siyāhah fī Madinah 'Amān", (Disertasi Sarjana Universiti Jordan, Amman Jordan).

ia suatu kelebihan dan strategik dalam menyediakan perkhidmatan serta kemudahan pelancongan kepada tetamu yang datang.

Yoones Mousā al-Nawāyseh¹⁹ mengkaji tentang strategi pembangunan sektor pelancongan di wilayah Karak Jordan dan kesannya terhadap ekonomi, masyarakat, dan alam sekitar. Beliau telah menggunakan kaedah temubual dan juga soal selidik dalam mendapatkan data di wilayah yang terkenal dengan daya tarikan tingalan sejarah tersebut. Hasil kajian tersebut, penulis mendapati peningkatan kedatangan pelancong terutamanya pelancong Eropah ke wilayah tersebut telah menjana peningkatan pendapatan penduduk setempat. Walaubagaimanapun, tempoh tinggal pelancong yang pendek perlu diatasi bagi meningkatkan lagi industri pelancongan dan ekonomi kawasan tersebut.

Reem A.Al-Ahmad²⁰ telah mengkaji berkenaan dengan potensi pelancongan sukan di Jordan. Beliau telah menggunakan kaedah soal selidik dalam membuat pengumpulan data dan melakukan analisis menggunakan kaedah *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Hasil kajian tersebut mendapati kemudahan dan infrastruktur sukan yang tidak lengkap dan uzur menjadi penghalang kepada pembangunan sektor pelancongan sukan di negara Jordan.

¹⁹Yoones Mousā al-Nawayseh (2001), “Tanmiyah al-Siyāhah fi Muhāfazah al-Karak”, (Disertasi Sarjana Universiti Jordan, Amman Jordan).

²⁰Reem A. Al-Ahmad (2005), “Wasā’il tanmiyah al-Siyāhah ‘an Tāriq al Riyādhiah min wajah Nazāri al ‘āmilin fī al-Qito’in al-Riyādi wa al-Siyāhi”, (Desertasi Sarjana Universiti Jordan, Amman Jordan).

Gamāān al-Zahrānī²¹ mengkaji berkenaan dengan perkembangan pembangunan pelancongan di wilayah Haql Arab Saudi. Beliau menggunakan kaedah soal selidik dalam membuat pengumpulan data kepada para pelancong yang datang melawat. Hasil kajian beliau mendapati pembangunan sektor pelancongan di kawasan Haql masih perlahan dan kurangnya pelaburan dilakukan di kawasan tersebut bagi meningkatkan industri berkenaan.

Lubnā Mahmud Muhammad Ājaj²² telah mengkaji berkenaan dengan perancangan dan pembangunan pelancongan tradisional di wilayah Nablus, Palestin. Beliau memfokuskan kepada perkembangan sosial dan ekonomi penduduk di kawasan tersebut serta menggunakan kaedah soal selidik dan temubual dalam membuat pengumpulan data. Hasil kajian beliau mendapati sektor pelancongan di Nablus berkembang baik dan memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan sosial serta ekonomi penduduk setempat. Walaubagaimanapun, sektor pelancongan di kawasan tersebut telah mengalami penurunan selepas tahun 2000 akibat daripada penjajahan dan perluasan wilayah oleh regim Israel. Banyak kemudahan dan infrastruktur pelancongan telah musnah dan rosak akibat daripada penjajahan regim tersebut. Beliau mencadangkan agar satu plan rancangan pembangunan baru dikemukakan bagi meningkatkan lagi aktiviti pelancongan di kawasan tersebut.

²¹Gamāān al-Zahrānī (2005), “Tanmiyah al-Siyāhah fi Muhāfazāh Haql fī Mamlakah al-Arabiah al-Su’ūdiyah”, (Disertasi Sarjana Universiti Jordan, Amman Jordan).

²²Lubnā Mahmud Muhammād Ājaj (2007), “ Takhtīṭ Wa Tanmiyah al-Siyāhah al-‘turāsīyah fī Muhāfazāh Nābalus” (Disertasi Sarjana An Najah National Universiti, Nablus Palestin).

Faraj Abdullah Hazaa Harahsheh²³ telah mengkaji berkenaan dengan faktor-faktor yang menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan pelancongan di wilayah utara Jordan. Beliau telah menggunakan kaedah temubual dalam mendapatkan maklumat kajian kepada beberapa tokoh masyarakat dan penduduk sekitarnya. Hasil daripada kajian tersebut mendapati terdapat hubungan yang kuat antara kesedaran sosial dan budaya di kalangan penduduk setempat dalam membangunkan industri pelancongan di kawasan tersebut. Selain itu, penyediaan kemudahan asas yang lengkap seperti hotel penginapan, restoran dan penyediaan makanan, serta berdekatan dengan ibu kota Amman antara faktor penyumbang kepada perkembangan sektor pelancongan di kawasan wilayah utara Jordan.

Ahlam Saud Harahsheh²⁴ mengkaji berkenaan dengan penyertaan kaum wanita dalam membangunkan industri pelancongan di kawasan Wadi Rum dan perkampungan Diseh selatan Jordan. Beliau menggunakan kaedah pemerhatian dan tembual dengan penduduk setempat bagi mendapatkan data berkaitan kajian tersebut. Akhir kajian pengkaji mendapati industri pelancongan mampu menjana ekonomi penduduk setempat. Walaubagaimanapun, keberjayaannya bergantung kepada tahap penyertaan kaum wanita di kawasan tersebut dalam industri berkenaan.

Ahmed Ālī Mahmōūd Azzām²⁵ dalam disertasi beliau telah mengkaji berkenaan dengan peranan sektor pelancongan dalam pembangunan sosio-ekonomi dan budaya penduduk di kawasan pelancongan Ummu Qays. Beliau membuat kajian

²³Faraj Abdullah Hazaa Harahsheh (2007), "Factors Affecting The Growth Of Tourism Sector In The Northern Region Of Jordan : A Field Study", (Disertasi Sarjana Universiti Ahli Bayt, Mafraq Jordan).

²⁴Ahlam Saud Harahsheh (2010), " Tourism Planning As A Development Tool : The Impact Of Local Female Participation in Tourism Development", (Disertasi Sarjana Universiti Jordan, Amman Jordan)

²⁵Ahmed Ālī Mahmōūd Azzām (2010), "Dawr al Siyāhah fī Tanmiyah āl-Mujtama' āl-Māḥalli: Dirāsah Hālah Umm Qays" (Disertasi Sarjana Universiti Jordan, Amman Jordan).

perbandingan pembangunan pelancongan di kawasan tersebut dengan model Butler iaitu kitaran perkembangan sesebuah kawasan perlancongan. Beliau telah menggunakan kaedah soal selidik kepada para pelancong dan juga penduduk setempat dalam membuat pengumpulan data. Hasil kajian tersebut mendapati kedatangan pelancongan yang tidak lama ke kawasan tersebut iaitu secara harian dan tidak bermalam menyebabkan ia kurangnya kesan terhadap perkembangan ekonomi kawasan Ummu Qays. Manakala tahap pelancongan di Ummu Qays pula masih berada di tahap perkembangan dan memerlukan usaha yang lebih efektif dalam memajukan kawasan pelancongan yang terkenal dengan kota tingalan Rom tersebut.

Amal Hayati Ishak, Siti Noorbiah Md Rejab dan Nurul Himmah Kassan²⁶ dalam artikel bertajuk Meneroka Potensi Sektor Pelancongan Di Malaysia telah menghuraikan bagaimana sektor pelancongan tersebut mampu menjana pertumbuhan ekonomi Negara. Dalam artikel tersebut, penulis telah membuat analisis ketibaan pelancongan mengikut tahun dan pendapatan yang diperolehi oleh Negara Malaysia daripada aktiviti sektor tersebut. Hasil daripada kajian tersebut, penulis telah menggariskan dua faktor yang menyebabkan sektor pelancongan mengalami pasang surut atau turun naik iaitu pertama disebabkan faktor semulajadi seperti wabak penyakit berjangkit melanda dunia seperti SARS, selsema burung dan lain-lain. Keduanya disebabkan faktor bukan semula jadi seperti pengeboman penganas, peperangan dan lain-lain. Kesimpulannya daripada artikel tersebut, penulis telah melihat bahawa sektor pelancongan Malaysia mampu berdaya saing dan berkembang dengan lebih baik apabila kerajaan mengambil beberapa langkah untuk

²⁶Amal Hayati Ishak, Siti Noorbiah Md Rejab dan Nurul Himmah Kassan, “ Meneroka Potensi Sektor Pelancongan Di Malaysia Dalam Menjana Pertumbuhan Ekonomi Negara”, Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010, 284-291.

meningkatkan aktiviti serta produk pelancongan yang mampu menarik lebih ramai pelancong.

Khairul Nizam bin Abdul Maulud²⁷ dalam disertasi sarjana beliau telah mengkaji berkenaan dengan pembangunan sistem maklumat perjalanan pelancongan berasaskan sistem maklumat geografi. Dalam kajian tersebut, beliau menggunakan kaedah soal selidik bagi mengumpul data yang diperlukan berkaitan dengan kajian dan kawasan kajian beliau meliputi 3 negeri di sebelah pantai timur semenanjung Malaysia iaitu Kelantan, Terangganu dan Pahang. Hasil daripada kajian mendapati pembangunan sistem maklumat perjalanan pelancongan memberikan faedah yang baik terhadap pengguna dalam mendapatkan maklumat dan menentukan jarak perjalanan ke sesuatu destinasi pelancongan.

Zulekha Yusuf, Hajar Opir dan Mahfuzah Mohammed Zabidi²⁸ dalam artikel bertajuk Kemudahan Kemudahan Pelancongan Dalam Negara Malaysia telah membincangkan berkenaan keperluan asas atau kemudahan pelancongan yang terdapat dalam Malaysia. Berdasarkan pengalaman penulis, beliau telah membincangkan masalah-masalah yang berlaku apabila keluar melancong dalam Negara Malaysia akibat daripada kemudahan pelancongan yang tidak mencukupi seperti tempat untuk melaksanakan ibadat solat, ruang solat yang sempit, tiada petunjuk arah kiblat, pengurusan pengangkutan yang tidak cekap dan lain lain lagi.

Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa kemudahan pelancongan yang

²⁷Khairul Nizam bin Abdul Maulud (2006) “Pembangunan Sistem Maklumat Perjalanan Pelancongan Berasaskan Sistem Maklumat Geografi”, (Disertasi Sarjana Fakulti kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia).

²⁸Zulekha Yusuf, Hajar Opir dan Mahfuzah Mohammed Zabidi, “Kemudahan Kemudahan Pelancongan Dalam Negara : Satu Sorotan Pengalaman”, ”, Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010, h. 394-402.

kurang dan lemah memberikan masalah dan kesulitan kepada pelancong. Penulis mencadangkan agar kemudahan untuk beribadat bagi umat Islam perlu dipertingkatkan sekaligus selaras dengan kedudukan Malaysia yang majoriti penduduknya beragama Islam.

Ramzah Dambul dan Amriah Buang²⁹ melakukan kajian bertujuan untuk menghuraikan masalah-masalah yang berlaku terhadap sektor pelancongan di Kundasang Sabah melalui pendekatan positif. Ia juga bertujuan untuk memaparkan beberapa aspek kepincangan dalam industri pelancongan kawasan berkenaan dengan menjelaskannya melalui pendekatan positif itu sendiri. Hasil daripada kajian tersebut mendapati kawasan Kundasang tidak mengalami pembangunan yang pesat walaupun menerima kunjungan ramai pelancong setiap tahun disebabkan beberapa faktor seperti penduduk setempat yang kurang mandiri, hasil kekayaan di curi oleh orang asing dan sebagainya. Penulis telah mencadangkan beberapa cadangan untuk menyelesaikan masalah yang di hadapi di kawasan tersebut dengan menambahbaik kemudahan-kemudahan dan struktur asas yang diperlukan.

Pembangunan Pelancongan dan Islam

Hasan Bahrom, Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob³⁰ dalam kajian yang bertajuk Pelancongan Dari Perspektif Islam Melalui Analisis Pendekatan Fiqh telah menghuraikan berkenaan dengan konsep pelancongan yang

²⁹Ramzah Dambul Dan Amriah Buang (2008) "Pelancongan Di Kundasang, Sabah: Kekuatan Dan Kelemahan Analisis Positivisme" *Jurnal Geografia*, Vol 5 (3) pp: 1-19.

³⁰Hasan Bahrom, Mohammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob, "Pelancongan dari Perspektif Islam : Analisis Pendekatan Fiqh", Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010, h. 1-17.

disarankan oleh agama Islam. Penulis juga telah membahagikan pelancongan kepada 5 kategori hukum iaitu wajib, sunat, haram, harus dan makruh. Penulis juga mengariskan beberapa jenis etika yang perlu dipatuhi ketika pergi melancongan atau mengembara. Kesimpulan daripada kajian tersebut, penulis mendapati bahawa melancong merupakan satu ibadah dan ia sangat digalakkan dalam agama Islam.

Joni Tamkin Borhan³¹ dalam artikel beliau pemikiran pembangunan ekonomi berteraskan Islam telah mengariskan bahawa pembangunan ekonomi yang disarankan dalam Islam hendaklah merujuk kepada sumber Al-Quran dan Sunnah. Beliau menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan menghuraikan berkaitan dengan pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam. Hasil daripada penulisan beliau mendapati bahawa Islam sangat menggalakkan umatnya berdaya maju dan cemerlang dalam ekonomi. Walaubagaimanapun ia mestilah selari dengan kehendak dan prinsip syarak.

M.Umar Chapra³² dalam artikel beliau yang bertajuk Ibnu Khaldun theory of development telah menghuraikan beberapa ciri-ciri pembangunan ekonomi yang telah digagaskan oleh Ibnu Khaldun iaitu sarjana Islam yang hidup sekitar kurun ke 13 hingga awal kurun 14 Masihi. Pengkaji menggunakan kaedah analisis data untuk melakukan perbandingan dengan teori pembangunan Ibn Khaldun dengan negara-negara Islam yang disenaraikan oleh Bank Dunia. Hasil daripada artikel tersebut mendapati hanya 4 negara umat Islam sahaja disenaraikan sebagai negara berpendapatan tinggi atau High Income Category (HIC) oleh Bank Dunia dan hanya

³¹Joni Tamkin Borhan (2008), "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam", *Jurnal Usuluddin*, vol 27, h 93-107.

³²M.Umar Chapra (2008) "Ibn Khaldun's theory of development: Does it Help Explain The Low Performance of The Present-day Muslim World", *Journal of Socio- Economics*, Vol 38, pp : 836-863.

6 buah negara Islam disenaraikan sebagai negara berpendapatan sederhana tinggi atau Upper Middle Income Category (UMC). Seterusnya sebanyak 18 buah negara Islam jatuh pada tahap negara berpendapatan sederhana rendah atau Low Middle Income Category (LMC) dan sebanyak 29 buah negara umat Islam berada dalam tahap negara berpendapatan rendah atau Low Income Category (LIC).

Nafisiah Hj Abdul Rahman dan Hajah Norsiah haji Sulaiman³³ dalam artikel bertajuk pengembaraan Ibn Baituta sebagai model pelancongan Islam sepanjang zaman telah mengkaji berkenaan pengembaraan sarjana Islam tersebut ke negara Mesir. Dalam artikel tersebut, penulis telah menghuraikan latar belakang Ibn Battuta, etika pelancongan yang digariskan oleh Ibnu Battuta, dan produk pelancongan dan daya tarikan bumi Mesir serta jenis-jenis pelancongan yang terdapat di bumi tersebut. Hasil daripada kajian tersebut, penulis telah mengaitkan pandangan Islam terhadap aktiviti pelancongan di Malaysia dan prospek perkembangannya berdasarkan pengembaraan Ibn Battuta tersebut.

Hashim Ibn Muhammad Ibn Hussain Naqud³⁴ telah membincangkan berkenaan dengan hukum-hukum Islam yang berkaitan dengan pelancongan dan kesannya terhadap pelancongan itu sendiri. Beliau telah menggunakan kaedah analisis kemudian menghuraikan dalil-dalil yang terdapat dalam al-Quran dan hadith berkaitan pelancongan seterusnya mengutarakan hukum-hukum yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan.

³³Nafisiah Hj Abdul Rahman dan Hajah Norsiah haji Sulaiman, “ Pengembaraan Ibn Baituta Sebagai Model Pelancongan Islam Sepanjang Zaman : Fokus Ekspedisi ke Bumi Mesir,” Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010, 109-116.

³⁴Hashim Ibn Muhammād Ibn Hussain Naqud (2003),), *Aḥkām Al-Sīyāhāh wa Athāruḥā*, Arab Saudi, Dār Ibn al-Jauziyah.

Asmak Ali dan Fatimah Salleh³⁵ dalam artikel yang bertajuk pelancongan dari perspektif Islam telah menghuraikan berkenaan dengan konsep pelancongan dari pandangan Islam di samping menghuraikan beberapa ayat al-Quran dan hadith berkaitan dengan pelancongan. Selain itu, penulis juga telah menghuraikan apakah tujuan yang memerlukan manusia keluar melancong. Hasil daripada kajian tersebut penulis mendapati pelancongan merupakan satu ibadah yang sangat dituntut dalam Islam dan mencadangkan agar aktiviti berkenaan perlu dikembangkan seiring dengan konsep ibadah.

Fathi Yakan³⁶ dalam penulisan bertajuk fiqh pelancongan dalam Islam telah menghuraikan berkenaan konsep pelancongan dalam Islam dan pengembaraan beliau ke beberapa negara di dunia. Beliau telah menghuraikan pengembaraan beliau tersebut dan kaitannya dengan fiqh pelancongan dalam Islam.

Mahyuddin Bin Hashim³⁷ dalam artikel beliau bertajuk alam sekitar sebagai produk pelancongan daripada kaca mata al-Quran telah menghuraikan berkenaan potensi alam semulajadi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan. Beliau menekankan agar pemeliharaan alam sekitar agar tidak rosak atau tercemar akibat kerakusan manusia disamping mengariskan panduan perkara-perkara yang perlu dielakkan dalam menjaga alam sekitar. Kesimpulannya, Islam mengalakkan umatnya menjaga

³⁵ Asmak Ali dan Fatimah Salleh “Pelancongan Dari Perspektif Islam”, Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010, h 52-63.

³⁶ Fathi Yakan (1999), *Fiqh al-Sīyāḥah fī al-Islām*, Beirut Lubnan, Muasasah al-Risālah.

³⁷ Mahyuddin Bin Hashim, “Alam Sekitar Sebagai Produk Pelancongan Daripada Kacamata Al-Quran”, Prosiding Seminar Pengurusan Hotel Dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010, h 44-51.

dan memulihara alam sekitar kerana ia merupakan kurniaan Ilahi yang sangat bernilai.

Siti Noorbiah Md Rejab, Zanirah Mustafa dan Hanifah Musa Fathullah Harun³⁸ dalam artikel bertajuk produk pelancongan Islam sebagai satu alternatif medium untuk menyebarkan dakwah telah menghuraikan bagaimana produk pelancongan Islam tersebut boleh menjadi metod penyebaran dakwah Islam. Dalam artikel tersebut, penulis telah menghuraikan beberapa jenis produk pelancongan Islam antaranya seperti Masjid, budaya dan adat resam, pakaian masyarakat melayu, bahan tingalan sejarah, kesenian Islam, makanan halal dan lain-lain. Kesimpulannya daripada artikel tersebut, penulis mendapati bahawa melalui produk pelancongan Islam yang wujud tersebut membolehkan umat Islam menceritakan kepada pelancong dan masyarakat dunia amnya berkenaan dengan Islam.

Najahudin Lateh, Huzaimah Hj Ismail, dan Baterah Alias³⁹ dalam artikel bertajuk Islamisasi Hotel Melalui Pendekatan Hadith Ahkam telah menghuraikan berkenaan bagaimana untuk menjadi sesebuah hotel tersebut memenuhi konsep hotel Islam. Penulis mengariskan beberapa panduan apakah yang perlu ada untuk menjadikan sesebuah hotel tersebut mempunyai ciri-ciri hotel Islam antaranya peruntukan ruang ibadah atau surau, dapur yang bersih dan tidak bercampur antara makanan halal dan haram, ruang bilik yang mempunyai petunjuk arah kiblat dan lain-lain lagi. Hasil daripada artikel tersebut, penulis mendapati kuasa pelanggan yang mahukan konsep

³⁸Siti Noorbiah Md Rejab, Zanirah Mustafa dan Hanifah Musa Fathullah Harun, “ Produk Pelancongan Islam: Satu Alternatif Medium Penyebaran Dakwah”, Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010, h 381-393.

³⁹Najahudin Lateh, Huzaimah Hj Ismail, dan Baterah Alias, “ Islamisasi Hotel Melalui Pendekatan Hadith Ahkam”, Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010, h 95-99.

hotel yang Islamik mampu mendorong pengusaha dan penguasa agar mengikut kehendak dan kemahuan pelanggan mereka.

Model Pembangunan Sektor Pelancongan

Haiyan Song dan Gang L⁴⁰ dalam artikel jurnal yang bertajuk *Tourism Demand Modeling And Forecasting* di mana mereka telah menganalisis sebanyak 121 kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik lain pada era pasca 2000 yang mengkaji mengenai model yang digunakan dalam perlancongan. 72 daripada 121 kajian didapati menggunakan teknik model siri masa dalam menghuraikan permintaan pelancongan. Hasil daripada kajian tersebut, pengkaji membuat analisis perbandingan daripada kajian-kajian mengenai model pelancongan yang terkini iaitu selepas pasca 2000. Model yang terkini yang digunakan dan lebih popular ialah model jenis ekonometrik kerana ia lebih mudah dan tepat dalam membuat sesuatu peramalan.

Andres Papatheodorou⁴¹ dalam artikelnya telah membincangkan mengenai satu cadangan teori model yang baru yang boleh mengubah langskap pelancongan terutamanya terhadap pengurusan *resort* yang menawarkan penginapan untuk pelancong-pelancong yang mengunjungi sesuatu kawasan pelancongan. Dalam perkembangan ekonomi dunia yang pesat, pengurusan Resort melakukan beberapa kajian dan meningkatkan lagi promosi terhadap resort masing-masing untuk menarik lebih ramai pelancong. Penulis telah mengungkapkan teori *The Tourism Area Life Cycle* (TALC) yang di perkenalkan oleh Bulter pada 1980. Hasil daripada kajian

⁴⁰Haiyan Song and Gang L (2007), "Tourism: Demand Modelling and Forecasting—A Review of Recent Research", *Journal of Tourism Management*, Vol 29, (2) : pp 203-230.

⁴¹Andreas Papatheodorou (2004) "Exploring The Evolution of Tourism Resort", *Journal of tourism Research*, Vol 31 (1): pp 219-237.

tersebut mendapati penggunaan model TALC kurang sesuai dan penulis mencadangkan agar lebih banyak kajian dilakukan di dalam bidang tersebut untuk mencari model yang baru bagi menggantikan model TALC.

H.R.Seddighi dan A.L.Theocharous⁴² dalam satu artikel jurnal telah membuat penelitian mengenai cadangan suatu kerangka metodologi di mana kesan daripada produk pelancongan dan kemasukan pelancong (*foreign travel*). Artikel ini menggabungkan ciri-ciri produk Lancasterian (*the Lancasterian product characteristics*) dengan model *Koppelman's consumer transportation* yang bertujuan untuk mengukur tahap kualiti perkhidmatan pelancongan yang disediakan, melihat persepsi dan perasaan pelancong terhadap destinasi yang ditawarkan. Hasil daripada kajian tersebut mendapati model *Koppelman's consumer transportation* dan *lancasterian product characteristics* sesuai di gunakan untuk dijadikan model atau kayu ukur dalam membangunkan industri pelancongan. Hasil gabungan bersama model multivariate logit ia akan lebih membantu dalam menganalisis persepsi dan kepuasan pelancong.

Pandangan Pelancong Terhadap Sektor Pelancongan

Redzuan Othman et al⁴³ telah melakukan kajian untuk melihat kepuasan pelancong yang mengunjungi Taman Laut Pulau Tioman yang terletak di negeri Pahang, Malaysia. Bagi melihat kepuasan pelancong yang mengunjungi Taman laut berkenaan, penyelidik telah membuat temubual sebanyak 85 orang pelancong asing

⁴²H. R. Seddighi and A. L. Theocharous (2001), "A Model of Tourism: Destination Choice: a Theoretical and Empirical Analysis" *Journal of Tourism Management*, Vol 23 (5): pp 475-487.

⁴³Redzuan Othman, Norlida Hanim Mohd Salleh, Abdul Hamid Jaafar and Nor Ghani Md. Nor, (t.t) "Importance-Satisfaction Analysis for Tioman Island Marine Park", Penerbit Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM, pp : 1-16.

dan 80 orang pelancong tempatan pada bulan April hingga bulan Mei 2009. Antara kriteria yang diambil untuk melihat kepuasan pelancong yang mengunjungi pulau berkenaan ialah kualiti hidupan laut, kebersihan pantai, keselamatan pengunjung, perkhidmatan yang ditawarkan, keadaan persekitaran pulau, aktiviti yang disediakan dan pembangunan infrastruktur kemudahan untuk pelancong. Hasil daripada kajian tersebut mendapati semua responden bersetuju bahawa kemudahan dan produk pelancongan yang ditawarkan perlu dipertingkatkan bagi memenuhi kehendak dan kepuasan pengunjung.

Daniel M.Spencer dan Donald F.Holecek⁴⁴ dalam artikel jurnal yang bertajuk *Basic Characteristics Of The Fall Tourism Market* telah mengkaji mengenai pasaran pelancongan yang menjadi pilihan dan menarik minat masyarakat pergi ke sesuatu tempat pelancongan tersebut. Responden kajian diperolehi melalui panggilan telefon terhadap isi rumah atau keluarga di *Great Lake Region*. Data-data tersebut di kumpul antara Januari 1996 hingga Disember 1998. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa pelancong akan lebih tertarik untuk mengunjungi sesuatu kawasan pelancongan tersebut apabila ia mempunyai kemudahan yang menarik minat dan bersesuaian dengan mereka.

Awad Gogazeh⁴⁵ telah mengkaji berkenaan dengan corak, pola dan gelagat pelancong dari Negara-negara Arab yang datang melawat Jordan. Kajian beliau memfokuskan kepada ekonomi, sosial, dan ciri-ciri demografik, serta faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi para pelancong Arab tersebut datang melawat negara

⁴⁴Daniel M. Spencer and Donald F. Holecek (2007) "Basic Characteristics of The Fall Tourism Market", *Journal of Tourism Management*, Vol 28, pp :491-504.

⁴⁵Awad Gogazeh (2001), "Patterns and Trends of Arabic Tourism In Jordan" (Disertasi Sarjana Universiti Jordan, Amman Jordan).

Jordan. Beliau menggunakan kaedah soal selidik dalam membuat pengumpulan data kepada para pelancong yang datang melawat di beberapa kawasan pusat pelancongan terkenal Jordan. Hasil kajian beliau mendapati pelancong Arab dari negara-negara teluk seperti Bahrain, Qatar dan lain-lain lebih ramai datang melawat Jordan iaitu sebanyak 64.4%. Pelancong dari negara-negara teluk mempunyai pendapatan yang lebih tinggi berbanding negara-negara arab yang lain. Selain itu, faktor persamaan bahasa, budaya, sejarah dan gaya hidup turut menyumbang kedatangan pelancong Arab ke Jordan.

Perbandingan Pembangunan Pelancongan

Esteban Bardolet dan Pauline J. Sheldon⁴⁶ telah mengkaji berkenaan isu berkaitan pelancongan di kepulauan. Ia membuat perbandingan antara dua buah kepulauan iaitu kepulauan Hawaii milik Amerika Syarikat di Lautan Pasifik dengan kepulauan Balearics milik negara Sepanyol di laut Maditerranean. Artikel ini juga membincangkan persamaan dan perbezaan yang wujud anantara kedua-dua kepulauan dari segi kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman dari pulau pelancongan yang lain. Hasil kajian mendapati persamaan yang unik antara dua buah pulau ialah kecantikan pantai dan “*Sun Mass*”. Ia berjaya mengukuhkan ekonomi dengan industri pelancongan serta menjadi sebuah wilayah autonomi walaupun masing-masing dimiliki oleh USA dan Sepanyol.

⁴⁶Esteban Bardolet and Pauline J. Sheldon (2008), “Tourism In Archipelagos Hawai’i And The Balearics”, *Journal Annals of Tourism Research* Vol 35 (4) : pp 900-923.

Langkawi dan Pembangunan Pelancongan

Mohd Shafeea Leman⁴⁷ dalam kertas kerja perbentangan beliau telah membincangkan tentang keindahan semulajadi yang terdapat di Langkawi boleh dijadikan aset dan daya penarik pelancong berkunjung ke pulau tersebut. Kajian dilakukan oleh kumpulan penyelidik daripada Institut Alam Sekitar (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia. Kerjasama yang dilakukan antara Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah menubuhkan Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL). PPL memberi penumpuan kepada 3 penyelidikan utama iaitu sumber geologi dan landskap, sumber biologi dan marin dan sumber budaya dan tradisi setempat. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa konsep geotaman atau goepark di lihat mampu menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang terkenal di dunia selain ia mampu menjana sosio-ekonomi masyarakat tempatan.

Nur Hafizah Yusoff dan Rahimah Abd Aziz⁴⁸ dalam artikel jurnal mengkaji berkenaan dengan penglibatan komuniti tempatan dalam aktiviti ekonomi bagi membangunkan sosioekonomi masyarakat setempat. Pengkaji telah menggunakan kaedah temubual dan soal selidik bagi mendapatkan data-data serta maklumat yang diperlukan. Hasil kajian mereka mendapati bahawa aktiviti pembangunan komuniti telah lama berjalan di kawasan Kuala Teriang dan ia telah menaikkan taraf hidup masyarakat di kawasan tersebut.

⁴⁷Mohd Shafeea Leman, "Alam Semulajadi Sumber Pelancong Baru Langkawi", Kertas kerja pembentangan Dialog Pembangunan Langkawi, Auditorium Kompleks LADA, 3 April 2006.

⁴⁸Nur Hafizah Yusoff dan Rahimah Abd Aziz (2010), "Kelestarian Langkawi Geopark: Penglibatan Komuniti Kuala Teriang Langkawi", *Jurnal Akademika* 78 Jan- April 2010 UKM, h. 95-101.

Shaipudin Bin Shah Harun⁴⁹ dalam artikel perbentangan dalam dialog pembangunan Langkawi 2006 telah menghuraikan berkenaan dengan modenisasi pengangkutan awam di Langkawi. Dengan peningkatan bilangan kemasukan pelancong ke pulau berkenaan, Langkawi memerlukan sistem jaringan pengangkutan yang moden dan canggih serta mampu memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pengunjung. Penulis telah mecadangkan beberapa cadangan bagi memajukan sistem pengangkutan di Langkawi antaranya ialah mempertingkatkan kemudahan infrastruktur, memperkenalkan bas eko-pelancongan selain mempertingkatkan promosi memperkenalkan Langkawi ke mata dunia.

Asran Alias dan Melasutra Md Dali⁵⁰ dalam artikel bertajuk pelancongan luar bandar potensi dan halangan pengusahaan pembangunan penginapan secara industri kecil sederhana yang dilakukan di kawasan pantai Cenang Langkawi Kedah. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif temubual dan pemerhatian dalam mendapatkan data. Hasil daripada kajian tersebut mendapati pembangunan pelancongan luar bandar mampu mendatangkan keuntungan kepada pengusaha di kawasan pantai Cenang. Pengkaji juga mencadangkan agar pengusaha-pengusaha yang terlibat perlu diberi latihan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan.

Johan Afendi Ibrahim dan Mohamad Zaki Ahmad⁵¹ dalam artikel jurnal telah mengkaji berkenaan dengan penubuhan geotaman Langkawi dan apakah kesan yang

⁴⁹Shaipudin Bin Shah Harun , “Modenisasi Pengangkutan Awam Di Langkawi, Kertas Kerja Pembentangan Dialog Pembangunan Langkawi, Auditorium Kompleks LADA, 3 April 2006.

⁵⁰Asran Alias dan Melasutra Md Dali, “Pelancongan Luar Bandar: Potensi Dan halangan Pengusahaan pembangunan Penginapan Secara Industri Kecil Sederhana”, Prosiding Seminar Sains, Teknologi dan Sains Sosial, M.S. Garden Hotel Kuantan Pahang, 1-2 Jun 2010, h. 325-331.

⁵¹Johan Afendi Ibrahim dan Mohamad Zaki Ahmad (t.t), “Penubuhan Geotaman Langkawi : Kesan kepada Industri Pelancongan Langkawi” Universiti Utara Malaysia.

berlaku terhadap industri pelancongan Langkawi. Penulis melakukan pengumpulan data melalui kaedah dokumentasi dan perpustakaan. Penulis menghuraikan kesan positif dan negatif akibat daripada penubuhan geotaman Langkawi terhadap pelancongan Langkawi. Di akhir penulisan, penulis telah mengcadangkan agar beberapa langkah perlu diambil bagi menjaga dan memelihara geotaman Langkawi agar kekal dengan keindahan semulajadi dan dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang.

Langkawi Dan Kajian Sosial

Ismail Hanapiah⁵² dalam penulisan beliau bertajuk sumpahan berlalu tuah melulu telah menghuraikan berkenaan dengan latar belakang dan perkembangan Pulau Langkawi selepas Mahsuri dihukum bunuh. Beliau menghuraikan perkembangan pulau tersebut dari zaman sebelum negara Malaysia mencapai kemerdekaan, zaman pendudukan Jepun dan seterusnya menghuraikan aktiviti, budaya dan perkembangan politik di Langkawi. Hasil daripada penulisan beliau, hanya menggambarkan perkembangan sejarah terkini Langkawi sahaja tetapi tidak menghuraikan berkenaan dengan pembangunan dan pelancongan di Langkawi.

Abdul Halim Bin Hj Abdul Ghani⁵³ dalam kajian beliau berkaitan dengan Langkawi dan tempat-tempatnya yang mengandungi sejarah telah menghuraikan berkenaan dengan beberapa tempat menarik di Langkawi yang mempunyai sejarah dan lagendanya tersendiri. Antara tempat-tempat menarik tersebut ialah Air Terjun Telaga Tujuh, Air Hangat, Gua Cerita, Tasik Dayang Bunting dan Gua Langsir.

⁵²Ismail Hanapiah (1995) *Sumpah Berlalu Tuah Melulu : Sekilas Langkawi Selepas Mahsuri Dibunuh*, Kuala Lumpur, United Selangor Press Sdn Bhd.

⁵³Abdul Halim Bin Hj Abdul Ghani (1983) “ Langkawi Dengan Tempat-Tempatnya Yang Mengandungi Sejarah”, *Lawatan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Ke Pulau Langkawi Pada 9,10,11, dan 12 April 1983*.

Hasil daripada kajian beliau mendapati semua tempat-tempat tersebut mampu menjadi tumpuan pelancong sekiranya menjejaki Pulau Langkawi disamping mempunyai sejarah dan lagendanya tersendiri.

Sa'diah Bt Abdul Samad⁵⁴ dalam disertasi sarjana beliau telah mengkaji berkenaan dengan kesan poligami terhadap keluarga Islam di Pulau Langkawi Kedah. Kajian beliau adalah untuk melihat kesan yang berlaku keatas institusi kekeluargaan apabila berlakunya amalan poligami. Kajian beliau hanya tertentu tertentu pada masyarakat di Pulau Langkawi sahaja. Hasil daripada kajian beliau mendapati hanya 1/3 daripada jumlah responden beliau mengamalkan poligami dan terdapat banyak kesan yang tidak baik akibat daripada amalan poligami tersebut antaranya ialah anak-anak terlibat dengan masalah sosial, berlakunya pergaduhan antara suami isteri, berlakunya pengabaian terhadap ahli keluarga dan lain-lain.

Khairani Bt Zakariya@ Abdul Hamid⁵⁵ dalam disertasi sarjana beliau telah mengkaji berkenaan dengan kesan penceraian terhadap kehidupan remaja muslim di sekolah-sekolah menengah Pulau Langkawi Kedah. Kajian beliau adalah untuk melihat kesan yang berlaku terhadap remaja apabila berlakunya penceraian antara kedua ibu bapa mereka. Dalam kajian ini, beliau telah mengambil beberapa responden daripada beberapa buah sekolah menengah yang terdapat di Pulau Langkawi iaitu SMK Tunku Putra, SMK Ayer Hangat, SMK Mahsuri, Maktab Mahmud, SM Teknik Langkawi, SMK Kedawang dan Maktab Rendah Sains Mara. Hasil daripada kajian beliau mendapati peratusan penceraian di Langkawi sangat tinggi berbanding dengan

⁵⁴Sa'diah Bt Abdul Samad (2002) "Kesan Poligami Terhadap Keluarga Islam : Suatu Kajian Di Pulau Langkawi Kedah", (Disertasi Sarjana Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

⁵⁵Khairani Bt Zakariya@ Abdul Hamid (2004) "Kesan Penceraian Terhadap Remaja Muslim : Suatu Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Pulau Langkawi", (Disertasi Sarjana Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

daerah-daerah lain di negeri Kedah disamping meninggalkan kesan yang negatif terhadap remaja yang masih dibangku persekolahan.

Md. Saufi B. Abdul Hamid⁵⁶ telah mengkaji berkenaan dengan cara hidup Islam di kalangan masyarakat Langkawi khususnya masyarakat di mukim Kuah. Kajian beliau hanya tertumpu pada masyarakat di kawasan mukim Kuah iaitu sebuah mukim yang mempunyai penduduk yang paling ramai di Langkawi dan juga merupakan kawasan bandar juga pentadbiran bagi daerah Langkawi. Kajian disertasi sarjana beliau menyentuh cara hidup Islam yang diamalkan oleh masyarakat merangkumi cara berpakaian, asas akidah, ibadah, serta pembudayaan ilmu-ilmu Islam. Hasil kajian beliau mendapati kadar kepatuhan dan amalan masyarakat Islam mukim Kuah Langkawi berada ditahap sederhana dan perlu kepada penambahbaikan.

Mahsuri Bt Abd Razak⁵⁷ dalam kajian sarjana beliau telah mengkaji berkenaan dengan kefahaman masyarakat Islam terhadap hukum merokok di mukim Kuah Langkawi. Kajian beliau adalah untuk melihat kefahaman masyarakat Islam terhadap hukum merokok setelah di fatwakan haram oleh pihak mufti di beberapa buah negeri. Hasil kajian beliau mendapati hampir keseluruhan responden kajian beliau memahami hukum merokok dengan baik.

⁵⁶Md. Saufi B Abdul Hamid (2005) “ Cara Hidup Islam Dikalangan Masyarakat Langkawi : Suatu Kajian Di Mukim Kuah Langkawi Kedah”, (Disertasi Sarjana Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

⁵⁷Mahsuri bt Abd Razak (2007) “ Kefahaman Masyarakat Islam terhadap Hukum Merokok : Kajian Di Kuah Langkawi Kedah”, (Disertasi Sarjana Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Mardiha Bt Md Ramli⁵⁸ pula telah mengkaji berkenaan dengan budaya membaca al-Quran dikalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hangat Langkawi Kedah. Kajian beliau hanya tertumpu kepada golongan pelajar sekolah menengah sahaja mengenai budaya dan tahap bacaan serta amalan membaca al-Quran. Hasil kajian beliau mendapati tahap bacaan al-Quran dikalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hangat adalah sederhana lancar dan dari segi kekerapan membaca al-Quran pula kebanyakan pelajar hanya kadang-kadang membaca al-Quran.

Ismail Hanapiah⁵⁹ dalam penulisan beliau bertajuk *Jentayu Langkawi Sepintas Lalu* telah menghuraikan berkenaan dengan sejarah dan latarbelakang Pulau Langkawi. Beliau menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan menghuraikan sejarah dan latar belakang Langkawi yang terkenal dengan lagenda Mahsuri. Kesimpulannya, penulisan ini hanya mengisahkan sejarah dan latar belakang Langkawi.

Langkawi dan kajian Saintifik

Wan Mohd Razi Idris et al⁶⁰ telah mengkaji berkenaan dengan kepekatan kandungan logam berat yang terdapat di dalam tanah pantai. Pengkaji telah menggunakan kaedah ujian makmal bagi mendapatkan maklumat dan data daripada penyelidikan tersebut. Hasil kajian mendapati sedimen pantai di kawasan kajian terjejas dan

⁵⁸Marhida Bt Md Ramli (2007) “ Budaya Membaca Al-Quran Dikalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hangat Langkawi Kedah”, (Disertasi Sarjana Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

⁵⁹Ismail Hanapiah (1990) *Jentayu Langkawi Sepintas Lalu*, cet 2, Langkawi Kedah, Pancang Perak Enterprise.

⁶⁰Wan Mohd Razi Idris, Sahibin Abdul Rahim, Zulfahmi Ali Rahman, Tukimat Lihan, Azman Hashim &Shahril Nizam Mohd Yusuf (t.t) “Komposisi Geokimia Sedimen Pantai Di Pulau Langkawi Kedah, Malaysia” *Jurnal of Sains Malaysiana*, Vol 38, (3), h. 313-320.

mengandung kandungan logam berat yang tinggi. Hal ini terhasil kerana pencemaran yang berlaku akibat tumpahan minyak dari kapal-kapal dan bot pelancong di kawasan tersebut. Pengkaji mensyorkan agar langkah pencegahan perlu diambil bagi melindungi kawasan tersebut dan kehidupan lautnya.

Berdasarkan sorotan kajian-kajian lepas diatas, penulis mendapati aspek yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh penulis masih kurang disentuh dengan secara mendalam. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini merupakan kajian perbandingan tentang dasar dan strategi pembangunan pelancongan menurut persertif ekonomi Islam.

1.9 METODOLOGI KAJIAN

Penulis menggunakan dua kaedah dalam mengumpulkan data iaitu melalui kaedah dekumentasi dan perpustakaan serta kaedah temubual bagi mendapatkan maklumat dalam mengumpulkan data. Seterusnya, penulis menganalisis data-data tersebut melalui kaedah induktif, deduktif dan komparatif dalam yang diperolehi untuk menyiapkan hasil kajian ini.

a) Kaedah pengumpulan data.

Dalam membuat pengumpulan data dan maklumat yang diperlukan dalam menjayakan kajian ini, penulis menggunakan dua kaedah pengumpulan data sekunder iaitu kaedah perpustakaan dan dekumentasi serta pengumpulan data primer melalui kaedah temubual.

DATA SEKUNDER

1. KAEDAH DOKUMENTASI PERPUSTAKAAN

Penulis membuat pengumpulan data melalui perpustakaan dengan mencari maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Penulis menggunakan bahan-bahan ilmiah yang terdapat di perpustakaan seperti buku-buku ilmiah, jurnal, kertas kerja persidangan, tesis dan disertasi, kajian-kajian ilmiah, ensiklopedia dan lain-lain. Selain itu, penulis juga membuat carian bahan melalui *database* yang dilangani oleh perpustakaan seperti jurnal-jurnal antarabangsa untuk dijadikan bahan rujukan bagi menyiapkan disertasi ini.

Penulis telah menggunakan beberapa perpustakaan sebagai tempat untuk pencarian bahan dan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian antaranya Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam UM, Perpustakaan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Perniagaan, Perpustakaan Peringatan Za'ba UM, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Institut Teknologi Mara (Uitm Shah Alam), Perpustakaan Besar Negeri Kedah dan Perpustakaan Daerah Langkawi.

Seterusnya, penulis telah menggunakan kaedah dokumentasi di mana bahan-bahan maklumat yang berkaitan dengan kajian dikumpul daripada pelbagai pihak seperti Majlis Agama Islam Negeri Kedah, LADA, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan dan lain-lain.

DATA PRIMER

1. KAEDAH TEMUBUAL

Seterusnya, penulis telah menggunakan kaedah temubual dalam mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Penulis telah membuat temubual bersama beberapa orang pegawai di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) antaranya ialah En Hapiz bin Manap iaitu Pengarah Bahagian Geopark LADA, En Ikhwan Bin Mohd Said Penolong Pengurus bahagian Geopark LADA, En Shamsuddin bin Shuib Pengurus Bahagian Pelancongan LADA, dan En Norazman Bin Yussuf Penolong Pengarah Bahagian Promosi LADA. Temubual tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan dasar dan strategi pembangunan pelancong yang dijalankan di Langkawi. Badan berkanun kerajaan persekutuan ini terlibat secara langsung dalam merangka, mengawal dan merancang strategi pembangunan sektor pelancongan di Langkawi sejak ditubuhkan pada tahun 1990. Penulis telah mendapatkan pelbagai maklumat daripada pihak tersebut dalam bentuk sesi temubual dan juga data-data primer berkaitan kajian.

Selain itu, penulis juga telah membuat temubual bersama Ahli Parlimen Langkawi iaitu Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib yang berpengalaman menjadi ahli Parlimen Langkawi selama 4 penggal. Beliau mempunyai banyak pengalaman dalam membangunkan Langkawi menjadi pusat pelancongan yang terkenal di seluruh dunia sejak awal tahun 80an. Penulis juga telah melakukan temubual bersama Yang Berhormat Dato' Ir Haji Nawawi Bin Ahmad iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri Kuah. Beliau berpengalaman selama 3 penggal menjadi Adun dan berkhidmat untuk masyarakat Langkawi. Disamping itu, penulis juga melakukan temubual bersama

Yang Berhormat En Mohd Rawi Bin Abd Hamid iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri Ayer Hanggat. Temubual bersama wakil rakyat tersebut dijalankan bagi mendapatkan maklumat perkembangan dan pelaksanaan pembangunan pelancongan di Langkawi. Disamping itu, penulis juga mendapatkan maklumat berkenaan dengan penduduk tempatan dan persepsi mereka terhadap perkembangan industri pelancongan Langkawi.

Seterusnya, penulis juga telah melakukan temubual bersama Pegawai Daerah Langkawi iaitu Ybhg Tuan Harun bin Yasin dan Pegawai Bahagian Pelancongan Majlis Bandaraya Langkawi Bandaraya Pelancongan (MBLBP) iaitu En Ku Jamaludin bin Ku Abd Razak bagi mendapatkan maklumat dan dasar pembangunan pelancongan yang dijalankan di Langkawi. MBLBP juga merupakan sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam menjaga dan membangunkan Langkawi sebagai sebuah destinasi pelancongan terkenal. Disamping itu, penulis juga telah membuat temubual bersama Pegawai Khas Kerajaan Negeri Kedah iaitu En Zubir bin Ahmad dan temubual bersama Pegawai Agama Daerah Langkawi iaitu Tuan Syeikh Noor Ismardi bin Ismail untuk mendapatkan berkenaan dengan hal ehwal agama, maklumat sosial penduduk dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan kajian penulis.

Beberapa langkah telah diambil bagi memastikan data-data temubual yang diperolehi tersebut boleh dipercayai atau *reliable*. Antaranya penulis telah memilih responden yang berautoriti sahaja bagi menjalankan sesi temubual bagi mendapatkan data yang benar dan tepat. Selain itu, penulis telah membuat temujanji terlebih dahulu bersama responden bagi memastikan mereka betul-betul bersedia untuk ditemubual. Soalan-soalan yang diajukan kepada responden telah mendapat kesahan terlebih dahulu

daripada penyelia penyelidikan. Penulis juga telah menggunakan pita rakaman untuk merakam sesi temubual dijalankan.

b) Kaedah analisis data.

Penulis telah menggunakan kaedah analisis data induktif, deduktif dan komparatif atau perbandingan dalam menghuraikan data yang diperolehi melalui kajian perpustakaan dan juga data yang diperolehi melalui kaedah temubual. Data dan maklumat yang diperolehi daripada hasil penyelidikan telah dihuraikan dalam bentuk umum kepada khusus melalui kaedah analisis deduktif. Kaedah ini telah digunakan dalam bab dua dengan menghuraikan konsep perlancongan dengan lebih khusus.

Seterusnya, penulis juga telah menggunakan kaedah analisis induktif bagi mendapat bukti dan keterangan berdasarkan dalil khusus kepada dalil umum. Kaedah ini telah digunakan pada bab tiga dengan menghuraikan strategi dan dasar pembangunan perlancongan yang disarankan oleh Islam. Kemudian, penulis juga telah menghuraikan strategi dan dasar pembangunan yang dijalankan di Langkawi pada bab keempat.

Selain itu, penulis juga telah menggunakan metod komparatif atau perbandingan dalam melakukan analisis perbandingan antara strategi dan dasar yang dijalankan di Langkawi dengan perancangan pembangunan sektor pelancongan menurut perspektif ekonomi Islam pada bab yang ke-5.

1.10 SISTEMATIKA PENULISAN

Sistematika penulisan disertasi di mulakan dengan bab 1 di mana penulis telah memasukkan pengenalan terhadap tajuk kajian yang dilakukan. Ia merangkumi pendahuluan, latar belakang masalah, permasalahan kajian, objektif, kepentingan kajian, sorotan literatur, metodologi kajian dan perancangan bab yang telah dilakukan oleh penulis bagi menjayakan hasil kajian ini. Bab 2 pula, penulis telah membuat penyelidikan terhadap konsep pelancongan secara umum dan konsep pelancongan dalam Islam. Seterusnya dalam bab 3 pula, penulis telah menghuraikan teori dan strategi yang pembangunan sektor pelancongan menurut perspektif Islam. Apakah dasar dan strategi yang di sarankan dalam Islam bagi memajukan sesuatu kawasan pelancongan agar ia benar-benar menepati prinsip dan kaedah yang ditetapkan *shara'*.

Seterusnya dalam bab 4 pula, penulis mengenai latar belakang kawasan yang di kaji iaitu Pulau Langkawi mengenai sejarah, demografi, dan perkembangan industri pelancongan Langkawi. Seterusnya, penulis membuat penyelidikan terhadap strategi dan dasar pelancongan yang dijalankan di Pulau Langkawi. Kemudian, dalam bab 5 pula, penulis telah membuat analisis perbandingan antara strategi dan dasar sektor pelancongan yang dijalankan di Langkawi dengan strategi dan perancangan pembangunan sektor pelancongan yang disarankan oleh Islam. Akhirnya dalam bab 6, penulis akan melakukan kesimpulan daripada hasil kajian yang dilakukan dan memberikan beberapa cadangan untuk penambahbaikan bagi memajukan lagi industri pelancongan di Langkawi dan di Malaysia amnya.

1.11 PENUTUP

Kajian ini penting dalam membicarakan dasar dan strategi pembangunan pelancongan yang dijalankan di Langkawi. Pembangunan pelancongan yang dijalankan tersebut dianalisis dan dibincangkan menurut perspektif ekonomi Islam agar kelemahan dan kekurangan yang wujud dapat dibaiki serta dilakukan penambahbaikan. Melalui kajian ini, satu model pembangunan pelancongan menurut perspektif Islam dapat dikemukakan dan dibincangkan secara ilmiah.